

# SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## LEBIH 1,000 ANGGOTA KUMPULAN TH JAYAKAN PROGRAM MEMBUDAYAKAN AL-QURAN SEPANJANG RAMADAN #QURANHOUR

**KUALA LUMPUR, 27 Mei 2019** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran dan **TH** World #QuranHour dalam usahanya meneruskan tradisi meningkatkan syiar Islam dan memberi tumpuan terhadap pelbagai aktiviti membudayakan Al-Quran di ibu pejabat, cawangan dan anak-anak syarikat; BIMB Holdings Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, TH Properties, TH Hotels & Residences, TH Travel & Services, TH Plantations Berhad dan Theta Edge - di Surau Menara **TH** Tun Razak.

Seramai **1,072** anggota di peringkat **TH** dan anak syarikatnya di seluruh negara yang telah melengkapkan bacaan Al-Quran dalam program **TH** ini yang telah dilaksanakan sejak bulan Rejab yang lalu. Penganjuran program ini adalah bagi menyemai semangat cintakan kalamullah (Al-Quran) dalam kalangan anggota Kumpulan **TH**.

Pada majlis yang sama juga, **TH** turut memberikan sokongan penuh bagi program **TH** World #QuranHour dengan bacaan dan taddabur Surah Al-Kahfi sebagai surah pilihan. Program kerjasama antara Surau **TH** dan Yayasan Ummah Ikhlas ini merupakan sebuah landasan solidariti Ummah di bawah naungan Al-Quran.

Memasuki tahun kelima penganjuran Program Rejab, Syaaban dan Ramadan (RSR), **TH** menganjurkan pelbagai program secara berterusan bermula bulan Rejab sehingga akhir Ramadan antaranya Bual Bicara Ambang Ramadan, Forum Pasca Perkahwinan, Daurah Kitab Israk Mikraj, majlis berbuka puasa dan moreh, solat terawih bersama imam-imam jemputan, qiamullail, sahur dan solat subuh berjemaah, solat zuhur dan kuliah tengah hari dan juga pengedaran bubur

lambuk (selepas solat Zohor; Isnin dan Khamis), di samping penganjuran program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Malaysia dan luar negara.

Antaranya, serahan bantuan Ramadan & Raya **TH**-LZS 2019 berjumlah RM1.3 juta kepada 2,600 asnaf di daerah Sepang; Program Ihya' Ramadan 1440H di Rumah Anak Yatim dan Pusat Tahfiz Darul Yatama Yacob Khan, Beaufort; Masjid Angkat **TH** di Kusial Bharu, Tanah Merah, Kelantan; Program Iftar Barakah bersama Masyarakat Orang Asli di Ulu Yam, Selangor dan Penyerahan Sumbangan Masjid di Negeri Sabah.

Agihan sumbangan berbentuk kewangan dan sumbangan pakaian serta barang keperluan harian di luar Negara turut diadakan di Madrasah As Sobirin dan Masjid Al-Akbar, Kg. Chanang, Kemboja yang melibatkan seramai 19 orang delegasi terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Surau dan Anggota **TH** yang diketuai oleh Tuan Haji Hizamuddin b. Jamalluddin, Ketua Pegawai Strategi dan Ketua Staf **TH** pada awal Mei 2019.

Anak-anak syarikat **TH** turut sama menganjurkan pelbagai program bersempena bulan Ramadan seperti Program Semarak Ramadan Berita Harian (BH) tahun kesembilan anjuran BIMB Holdings Berhad. Program ini diadakan untuk memupuk semangat ukhwah serta mengeratkan silaturahim antara masyarakat setempat, warga media (BH) dan Kumpulan BHB.

YBhg. Dato' Sri Zukri Samat, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** berkata, Program RSR tahun ini mengekalkan beberapa program utama diteruskan bagi memenuhi tanggungjawab sosial dalam membantu golongan yang memerlukan dalam bulan Ramadan dan meringankan beban mereka dalam membuat persiapan untuk menyambut Aidilfitri yang bakal tiba. Di samping itu juga dapat meningkatkan tahap sosioekonomi ummah secara keseluruhan.

Selain memenuhi tuntutan Islam untuk saling bantu-membantu terutamanya golongan asnaf, program CSR ini merupakan platform terbaik untuk **TH** mendekati dan mengeratkan lagi ukhuwah dengan masyarakat yang memerlukan. Kumpulan **TH** telah mengeluarkan zakat sebanyak RM98.75 juta pada tahun 2018. Jumlah ini adalah keseluruhan bayaran zakat **TH** termasuk anak-anak syarikat seperti BIMB Holdings dan Bank Islam Malaysia Berhad, tambah beliau lagi.

**-Tamat-**

### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah Malaysia dan rekodnya yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model kepada pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai lebih daripada sembilan juta pendeposit dan 125 cawangan dengan hampir 10,000 touch points, di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, pihak media boleh hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b> Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan <b>TH</b> 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: <a href="mailto:affan.aimaduddin@lth.gov.my">affan.aimaduddin@lth.gov.my</a>	<b>Mohamad Naser Jaffar</b> Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan TH 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: <a href="mailto:naser@lth.gov.my">naser@lth.gov.my</a>
---	---